

13 APR 1998

Konsert

DR MAHATHIR LANCAR KONSERT CINTAI MALAYSIA ARTIS TEMPATAN

KUALA LUMPUR, April 13 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan Konsert Cintai Malaysia Artis Tempatan anjuran MCA di Dataran Merdeka akhir bulan depan.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata pertunjukan itu merupakan sebahagian daripada kempen "Cintai Malaysia, Beli Barangan Malaysia" yang dilancarkan parti itu pada Disember tahun lepas untuk membantu negara mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi sekarang.

Sejak kempen itu dilancarkan, industri pembuatan dan pelancongan telah menikmati peningkatan jualan mereka, katanya pada persidangan berita hari ini.

Dr Ling, Menteri Pengangkutan, berkata maklumat balas daripada pengusaha pelancongan tempatan melalui laman internet parti itu menyatakan bahawa jumlah rakyat Malaysia yang melancong ke luar negara telah berkurangan 50 peratus manakala pelancongan domestik meningkat sebanyak 25 peratus.

"Sesetengah pekilang melaporkan yang jualan mereka meningkat 20 peratus," kata beliau.

"Menyokong barangan Malaysia hendaklah menjadi unsur berkekalan dalam budaya kita supaya kita sentiasa memikirkan 'Malaysia'," katanya.

Mengenai konsert itu, Dr Ling berkata ia akan berlangsung dari 31 Mei hingga 23 Jan 1999 di Batu Gajah, Pulau Pinang, Seremban, Muar, Bukit Mertajam, Melaka, Kampar, Alor Setar, Triang dan Serdang.

Artis tempatan daripada semua bangsa akan menyertai konsert itu dengan menyampaikan lagu-lagu bercorak patriotik, katanya.

Pengurus Besar Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM) Sandy Monteiro yang turut hadir pada persidangan akhbar itu berkata konsert yang akan diadakan di Dataran Merdeka itu dijangka disaksikan 15,000 orang.

"RIM menyokong kempen Beli Barangan Malaysia dan akan memberi penekanan kepada pembelian barangan Malaysia yang tulen sahaja," katanya. -- BERNAMA

HAK NMO